

NO. SOALAN: 142

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN :

**YB. Datuk Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) apakah tujuan serta keuntungan cadangan mengenakan levi hospitaliti di negara ini dan risiko yang bakal diterima oleh pemain industri serta impak kepada kedatangan pelancong ke negara ini, sekiranya levi tersebut dikenakan; dan
- b) adakah dana untuk negeri Sabah (bagi tujuan promosi pelancongan) akan diteruskan sekiranya ia tidak melaksanakan cadangan tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, tujuan kutipan Fi Promosi Pelancongan (*Tourism Promotion Fee-TPF*) adalah bagi tujuan promosi pelancongan negara secara lebih strategik dan agresif. Pengenalan TPF adalah suatu inisiatif baru Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan negara untuk membolehkan aktiviti pemasaran pelancongan di seluruh negara dijalankan dengan lebih berkesan setanding dengan negara-negara ASEAN lain yang mencatat pertumbuhan ketibaan pelancong yang lebih besar berbanding Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi penyaluran dana promosi pula, perkara ini masih belum dibincangkan di peringkat Kementerian sebagai pelaksana dasar untuk sektor pelancongan. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan berhubung penyaluran dana kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi pelancongan akan di buat dengan mengambil kira pandangan serta kepentingan pihak berkuasa negeri. Kerajaan Persekutuan sentiasa peka terhadap sebarang pandangan dan hasrat Kerajaan Negeri berhubung aspek pembangunan dan promosi pelancongan.

Sekian, terima kasih.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS**
MOJIGOH [PUTATAN]
SOALAN : **143**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan

- (a) kejayaan yang telah dicapai dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi hub herba negara dan senarai jenis-jenis herba yang berpotensi untuk dibangun dan dipatenkan; dan
- (b) apakah pihak Kementerian juga berminat untuk membuat kajian mengenai dengan kegunaan biji buah papaya dan buah rambutan yang dikatakan mempunyai nilai perubatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mempunyai biodiversiti yang sangat bernilai dan berpotensi untuk dibangunkan ke arah penghasilan produk-produk herba. Sebagai langkah memanfaatkan kepelbagaian biodiversiti tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah merancang membangunkan hub industri herba negara secara berperingkat melalui penglibatan pelbagai agensi yang mendapat pembiayaan dana Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) MOSTI. Dalam bidang Bioteknologi, MOSTI sedang membiayai projek bernilai RM4 juta bagi tujuan pembangunan produk

nutraseutikal dan farmaseutikal sebagai agen terapeutik penyakit atau penyakit *High Burden* di Malaysia. Projek ini bertujuan menghasilkan sebuah repositori herba yang akan mengandungi lebih daripada 500 ekstrak tumbuhan dan hidupan marin. Repositori ini menyediakan maklumat komprehensif mengenai komponen aktif dan biologikal aktiviti daripada sumber biodiversiti negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada kajian terhadap biji buah betik (*papaya*) dan buah rambutan, MOSTI telah membiayai sebanyak 6 projek penyelidikan berkaitan dengan betik yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan pembiayaan keseluruhan berjumlah sebanyak RM1,025,670.00. Penyelidikan ini lebih tertumpu kepada kajian agronomi tanaman betik. Ini termasuk kajian mengenai penyakit *papaya dieback* melalui pendekatan kajian genomik dan bioinformatik serta penghasilan betik tanpa biji melalui teknik kultur tisu.

MOSTI juga telah membiayai 2 projek penyelidikan mengenai rambutan yang dilaksanakan oleh Monash University Malaysia dan Universiti Malaya dengan pembiayaan berjumlah sebanyak RM 432,517.00. Penyelidikan ini melibatkan kajian ekstrak daripada kulit buah rambutan yang dilaporkan mengandungi aktiviti antioksidan yang tinggi dan agen *anti-hyperglycemic* yang berpotensi untuk merawat *diabetes mellitus*. Sehingga tarikh laporan ini MOSTI mendapati tiada kajian melibatkan biji buah betik dan biji rambutan dibiayai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN : 144

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengharamkan penggunaan semua jenis telefon bimbit dalam penerbangan udara di negara ini sebagaimana Maswing mengharamkan penggunaan Samsung Galaxy Note 7 dalam penerbangannya; dan
- (b) apakah usaha pihak Kementerian dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Pada masa ini, penggunaan semua jenis telefon bimbit dalam penerbangan udara di Negara ini adalah tidak dibenarkan sepertimana digariskan dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 di mana penggunaan telefon bimbit, komputer atau alat elektronik lain yang direka bentuk untuk menghantar atau berupaya untuk menghantar kuasa elektromagnet adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada ketua juruterbang kapal udara tersebut. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan boleh mengenakan peraturan tambahan untuk memastikan tiada penggunaan telefon bimbit di dalam penerbangan atas sebab-sebab keselamatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
SOALAN : NO. 145

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) berapa banyakkah institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang terdapat di negara ini yang telah mendapat pengiktirafan oleh pihak Kerajaan dan senaraikan; dan
- (b) apakah jenis kursus yang diiktiraf dan yang tidak diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam terutama sekali yang ditawarkan oleh IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015, bilangan Universiti Awam (UA) di negara ini adalah berjumlah 20 buah iaitu 5 buah UA merupakan Universiti Penyelidikan, empat (4) buah Universiti Berfokus dan 11 buah Universiti Komprehensif. Manakala, sehingga 30 September 2016, sebanyak 497 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) telah didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Daripada jumlah tersebut, 63 buah IPTS bertaraf Universiti, 33 buah IPTS bertaraf Kolej Universiti dan 401 buah IPTS bertaraf Kolej. Berhubung isu pengiktirafan kursus, pengiktirafan kelayakan yang dilaksanakan adalah bagi tujuan lantikan ke Perkhidmatan Awam berdasarkan keperluan peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam Perkhidmatan Awam.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATUK RAIME BIN UNGGI
DARIPADA [TENOM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan kaedah pembelajaran *Inquiry Based Science Education* (IBSE) sebagai menarik minat pelajar sekolah terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerapkan pelaksanaan kaedah pembelajaran *Inquiry based Science Education* (IBSE) melalui pembelajaran sains sekolah rendah bermula pada tahun 2011 iaitu apabila berlakunya transformasi kurikulum. Dapatan kajian oleh Akademi Sains Malaysia menunjukkan bahawa IBSE secara umumnya telah berjaya meningkatkan kebolehan murid dalam kemahiran proses sains dan menyelesaikan masalah di samping menunjukkan perubahan positif dalam perlakuan terutama daripada segi motivasi dan minat murid terhadap sains. KPM turut menggunakan kaedah IBSE dalam Bahan Sumber HEBAT Sains dan Matematik bagi meningkatkan kefahaman dan

kemahiran murid dalam kedua-dua bidang tersebut. Bahan sumber ini digunakan dalam intervensi bagi menyediakan murid untuk menghadapi TIMSS dan PISA

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK RAIME BIN UNGGI
DARIPADA [TENOM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian merealisasikan mata pelajaran pendidikan dadah di sekolah sebagai langkah pencegahan awal aktiviti penyalahgunaan dadah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah menengah sejak tahun 1989, dan di sekolah rendah sejak tahun 1994. Kurikulum Pendidikan Kesihatan merangkumi topik 'dadah' yang digubal dalam komponen penyalahgunaan bahan berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif murid di sekolah.

Maklumat berkaitan dadah dan kemahiran kecekapan psikososial (*life skills*) dalam menangani serta mencegah diri daripada aktiviti berkaitan dengan dadah turut diajar bagi tujuan pendidikan kepada semua murid di

sekolah rendah dan menengah. Pelbagai program usaha sama antara KPM dengan agensi kerajaan lain serta bukan kerajaan juga diadakan dari semasa ke semasa bagi tujuan meningkatkan kesedaran terhadap bahaya dadah kepada individu, keluarga dan masyarakat Malaysia.